

Jenis Akhbar : Utusan Online
Tarikh : 27/08/2018
Edisi / Muka Surat : www.utusan.com.my
Tajuk : MyAngkasa, Trio OTT lancar saluran VNOW.TV

MyAngkasa, Trio OTT lancar saluran VNOW.TV

Zakkinah Wati Ahmad Tarmizi



PRESIEN Angkasa merangkap Presiden ASEAN Cooperative Organization (ACO), Datuk Abdul Fattah Abdullah (kiri) bersama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Pengarah Urusan MyAngkasa Holdings Sdn Bhd, Shahrudin Mohamed (tengah) dan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan Trio OTT Sdn Bhd, Qii Ewe Jin (dua kiri) pada Majlis Pra Pelancaran VNOW.TV dan Pertukaran Dokumen antara MyAngkasa Holdings Sdn Bhd dan Trio OTT Sdn Bhd di Auditorium TPM, Technology Park Malaysia, Bukit Jalil, di sini, hari ini.-FAISOL MUSTAFA

KUALA LUMPUR 27 Ogos- MyAngkasa Holdings Sdn. Bhd. (MHSB) iaitu anak syarikat Angkatan Koperasi Kebangsaan (Angkasa) akan mewujudkan satu saluran televisyen dalam talian baharu, VNOW.TV bagi memasarkan produk koperasi ke peringkat global.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, saluran tersebut akan dilancarkan selewat-lewatnya November ini.

“Saluran ini diwujudkan untuk membantu ahli-ahli koperasi memasarkan produk mereka sekaligus dapat menandingi produk luar.

“Dalam saluran ini, MyAngkasa turut menyediakan tiga kandungan siaran berkaitan koperasi dan VNOW.TV dijangka menambah 60 saluran berkaitan informasi dan hiburan seperti pendidikan, drama dan saluran perniagaan kelak,” katanya selepas merasmikan Majlis pra pelancaran dan tandatangan perjanjian VNOW.TV antara MyAngkasa Holding Sdn. Bhd. dan Trio OTT Sdn. Bhd. di Technology Park Malaysia, Bukit Jalil di sini hari ini.

VNOW.TV merupakan Internet Protocol Televisyen (IPTV) di atas talian yang dilihat berbeza dengan kaedah biasa penyaluran kandungan siaran melalui penggunaan antena, satelit dan televisyen saluran berlanggan. -UTUSAN ONLINE